

WANITA SEBAGAI CALON PILIHANRAYA MENURUT PERSPEKTIF SIYĀSAH SYAR'IYYAH : SATU ANALISIS

Oleh:

Zulqarnain bin Hassan*

Abstrak

Tulisan ini akan menganalisis secara menyeluruh isu penglibatan wanita dalam politik (calon pilihanraya atau ahli parlimen) sebagai suatu tindakan yang menepati semangat Siyāsah Syar'iyah. Tumpuan akan menyingkap sejauh mana tindakan tersebut bertepatan dengan asas-asas Siyāsah Syar'iyah. Di samping itu, penulis juga akan menganalisis syarat-syarat, adab-adab dan juga disiplin-disiplin tertentu yang sepatutnya dipatuhi oleh para wanita yang terlibat sebagai calon pilihanraya supaya penglibatan mereka benar-benar bertepatan dengan kehendak syarak.

Asas-Asas Siyāsah Syar'iyah Yang Membenarkan Penglibatan Wanita Sebagai Calon Pilihanraya

1) Maṣlahah 'Āmmah (Al-Istislah)

Berdasarkan kepada perkembangan semasa, adalah menjadi maṣlahah atau keperluan untuk wanita-wanita Islam yang beriltizam dengan agama supaya memasuki medan pilihanraya untuk berhadapan dengan

* Pensyarah di Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri.

wanita-wanita bebas dan sekular yang menguasai kepimpinan wanita. *Maṣlahah* kemasyarakatan dan politik kadang-kadang lebih penting dan besar daripada *maṣlahah* individu yang mengharuskan mereka keluar ke dalam kancah kehidupan masyarakat umum. Kita juga melihat bahawa banyak persoalan yang bersangkutan dengan wanita telah disalah tafsirkan oleh golongan tersebut sekiranya hanya mereka sahaja yang terlibat sebagai wakil rakyat di dalam Parlimen.

Dalam hubungan ini, Al-Qaraḍāwī dengan jelas menyatakan bahawa di sana terdapat golongan sekular yang berusaha untuk mencalitkan Islam dengan lumpur keburukan sedangkan Islam sedikit pun tidak bersangkut paut dengan apa yang mereka gambarkan, seperti mereka mengatakan bahawa Islam berlaku zalim kepada wanita, menghalang kebolehan dan keupayaan mereka dengan berhujahkan kepada beberapa pengalaman zaman mutakhir ini dan beberapa pendapat golongan yang melampau¹.

Contoh lain ialah sebagaimana yang telah digambarkan oleh Muḥammad Qutb tentang suasana wanita yang menuntut hak persamaan dengan lelaki sehingga melanggar batasan dan tata susila agama. Demikian juga menurut beliau terdapat golongan yang terlalu ekstrem sehingga menyekat terus hak dan kebebasan wanita.² Adapun Suhaylah Zayn al-ʿĀbidīn Hammād pula dalam bukunya mendedahkan secara terperinci bagaimana perancangan halus yang dilakukan oleh musuh Islam di kalangan Yahudi dan Sekularis untuk memburukkan dan merosakkan keperibadian wanita Islam.³

Lantaran itulah, maka penglibatan aktif wanita Islam di dalam arena politik adalah menjadi suatu keperluan bagi menjawab segala salahfaham dan kekeliruan yang dilontarkan oleh musuh terhadap Islam dan menjelaskan peranan sebenar wanita Islam.

Penglibatan wanita sebagai calon dan seterusnya wakil rakyat juga dilihat sebagai satu keperluan (*maṣlahah*) lantaran banyak perkara dalam undang-undang syarak yang bersangkutan dengan hal ehwal kewanitaan dan kekeluargaan perlu diminta pandangan mereka. Ini kerana merekalah merupakan pihak yang paling sesuai untuk menjelaskan persoalan tersebut berbanding dengan golongan lelaki.⁴

Sejarah telah merakamkan bagaimana Khalifah 'Umar Al-Khattāb r.a meminta pandangan wanita (anaknya Hafṣah) dalam masalah undang-undang penentuan tempoh masa seorang suami boleh meninggalkan isterinya untuk keluar berjihad. Dalam situasi yang lain beliau juga pernah ditegur oleh seorang wanita tentang undang-undang penentuan kadar tertinggi bagi maskahwin. Begitu juga undang-undang yang mewajibkan pemberian khas kepada setiap bayi yang dilahirkan di dalam Islam, ianya adalah hasil adanya campurtangan wanita.⁵

Daripada penjelasan lalu, dapatlah dirumuskan bahawa keterlibatan wanita Islam sebagai calon dalam pilihanraya atau wakil rakyat di Parlimen adalah menepati asas *Maṣlahah 'Āmmah* kerana melalui kedudukan itu mereka dapat mewakili wanita Islam untuk mengemukakan pandangan-pandangan bernas bagi mempertahankan Islam dan menghindari urusan kewanitaan dimonopoli oleh wanita sekular yang prejudis terhadap Islam.

2) Menepati Objektif Maqāsid al-Syarī'ah Dari Sudut Kepimpinan

Bagi sebuah kerajaan Islam, *Siyāsah Syar'iyah* telah memperuntukkan ruang bertindak yang luas dalam melaksanakan dasar, peraturan dan polisi pemerintahan dengan tidak hanya terikat kepada keterangan nas syarak. Tindakan tersebut walaupun tiada peruntukan khusus

di sisi nas syarak, ianya masih dibenarkan dengan syarat bertepatan dengan *Maqāsid al-Syarī'ah* atau dapat memenuhi salah satu daripada lima elemen penting *al-Kullīyyāt al-Khams*. Ini kerana masalah yang dititipkan di dalam langkah-langkah kerajaan merupakan satu unit daripada *Maqāsid al-Syarī'ah*.

Kebolehan wanita Islam dalam bidang-bidang tertentu seperti pentadbiran, ekonomi, pendidikan dan hal ehwal keluarga serta kewanitaan misalnya, dapat membantu kerajaan mengurus negara dan kepentingan hidup rakyat dari sudut politik, sosial dan ekonomi. Contoh yang tertulis dalam sejarah membuktikan bagaimana mereka telah berjasa dalam kemakmuran dan pembangunan negara.

Kita menyaksikan kisah keupayaan Balqis Ratu Saba' dalam berdepan dengan surat Nabi Sulayman a.s.,⁶ Aisyah Binti Abu Bakr sebagai tempat rujuk dalam persoalan al-Hadith dan hukum fiqh, khususnya yang bersangkutan dengan hal ehwal wanita⁷, Ummu Salamah (Hindun Binti Abi Umayyah) yang berjaya meredakan konflik antara Rasulullah s.a.w. dengan para Sahabat sejurus perjanjian Hudaibiyyah⁸, Zubaydah binti Ja'far (isteri kepada Khalifah Harūn al-Rasyīd) yang mengarahkan supaya membina tali air bagi kemudahan para *hujjāj*⁹, semuanya menjadi bukti dan dalil tentang kebolehan mereka.

Keterlibatan wanita-wanita sedemikian sebagai calon pilihanraya dan seterusnya sebagai wakil rakyat, dilihat dapat merealisasikan maksud tersebut. Situasi ini akan bertambah jelas kiranya mereka diberikan tempat dalam kepimpinan negara khususnya dalam portfolio yang sesuai dengan fitrah mereka.

Dalam soal ini, secara tidak langsung mereka sebenarnya telah membantu tuntutan pemeliharaan syarak ke atas agama (*ḥifẓ al-Dīn*), jiwa (*ḥifẓ al-Nafs*), kehormatan (*ḥifẓ al-'Araḍ*), pemikiran (*ḥifẓ al-'Aql*)

dan harta (*ḥifẓ al-Māl*). Pemeliharaan ke atas elemen-elemen tersebut adalah termasuk sebahagian daripada pemeliharaan ke atas *Maqāsid al-Syarī'ah*. Ini kerana kelima-lima elemen tersebut adalah di antara lima elemen asas (*al-Kulliyyāt al-Khams*) yang sangat diberi perhatian oleh syarak.

3) Selaras Dengan Prinsip Syura, Keadilan Dan Kesamaan Taraf Dalam Islam

Syura, keadilan dan kesamaan adalah merupakan antara prinsip-prinsip umum yang menjadi asas pemakaian *Siyāsah Syar'īyyah*.¹⁰ Segala tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh para pemerintah perlu bertepatan dengan semangat yang ditekankan oleh prinsip-prinsip tersebut. Perlaksanaan terhadap prinsip-prinsip ini akan menjadikan sesuatu tindakan itu mencapai *Maqāsid al-Āmmah* dan menepati *Maqāsid al-Syarī'ah*. Ini kerana keperluan manusia kepada keadilan dari segi sosial dan politik misalnya adalah sebahagian daripada kemaslahatan hidup mereka.

Menurut Al-Būṭi, sesungguhnya syura walau bagaimanapun sifatnya dan perkembangannya serta kaedahnya, tidak lari dari tujuan utamanya ke arah mencapai kebenaran dan kebaikan. Kaum lelaki dan wanita kesemuanya adalah berkongsi dalam memikul tanggungjawab ini yang pada zahirnya berbentuk politik, namun hakikatnya adalah bersifat keagamaan, kemasyarakatan dan ekonomi pada isi perbincangannya.¹¹ Oleh sebab itulah Islam tidak menentukan syarat lelaki bagi membolehkan seseorang itu terlibat dalam syura, bahkan wanita sama-sama berperanan demi kebaikan rakyat dan negara dengan syarat mestilah wanita itu berkeahlian dan menjaga adab-adab serta disiplin-disiplin yang tertentu.

Di dalam negara Islam, syura terlaksana secara sempurna dengan penglibatan semua pihak termasuk wanita. Keterlibatan wanita sebagai calon dalam pilihanraya dan seterusnya sebagai wakil rakyat jika dilihat dari sudut ini adalah menepati prinsip tersebut. Dengan itu, ia mampu untuk membawa kemaslahatan kepada negara.

Mengenai keadilan dan kesamaan pula, kita dapati Islam melihat kesemua manusia dengan pandangan yang sama, asal-usul mereka juga sama. Allah swt menjelaskan hakikat ini di dalam al-Qur'an pada ayat yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."

Al-A'rāf (5): 8

Adapun ayat mengenai kesamaan pula Allah swt berfirman dengan maksudnya:

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan

atau bangsanya). Sesungguhnya Allah amat mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)".

Al-Hujurāt (49):13

Daripada dalil-dalil di atas, menunjukkan bahawa keadilan dan kesamaan mestilah berlaku dalam segenap ruang lingkup kehidupan. Ianya wajib terlaksana di dalam sistem kehakiman, dalam tugas-tugas dan tanggungjawab umum termasuklah di dalam urusan kenegaraan. Tegasnya keadilan dan kesamaan mesti berjalan seiringan.¹²

Keadilan dan kesamaan juga dilihat berlaku, berdasarkan kepada pandangan golongan yang mengharuskan penglibatan wanita dalam politik yang mendasarkan hujah mereka kepada tabiat tugas ahli parlimen dalam sistem demokrasi moden iaitu menggubal undang-undang dan mengawasi tindakan pemerintah.

Di dalam Islam tiada halangan bagi wanita untuk terlibat sama dalam penggubalan undang-undang. Ini kerana tugas tersebut berhajatkan kepada daya keintelektualan yang tinggi. Islam membuka ruang yang seluas-luasnya kepada umatnya sama ada lelaki ataupun wanita untuk menuntut ilmu sehingga mencapai tahap tersebut.

Adapun mengawasi tindakan pemerintah pula adalah termasuk di dalam tugas menyeru kepada *ma'rūf* dan mencegah kemungkaran, sedangkan dalam Islam golongan lelaki dan wanita adalah sama-sama bertanggungjawab melaksanakannya. Hakikat ini membuktikan wujudnya konsep keadilan dan kesamaan dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Dari penjelasan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa tindakan wanita terlibat sebagai calon dan ahli parlimen adalah bertepatan dengan prinsip Siyāsah Syar'iyah iaitu kesamaan dan keadilan.

4. Faktor 'Urf

Keterlibatan secara langsung kaum wanita dalam politik juga dipengaruhi oleh faktor 'urf. Hakikat ini dapat dilihat dengan membuat perbandingan berasaskan kepada faktor zaman, suasana dan budaya setempat. Justeru itu, perubahan fatwa memang dapat dibenarkan sesuai dengan kaedah fiqh yang berbunyi ¹³:

لَا يُكْرَهُ تَغْيِيرُ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الزَّمَانِ

"Tidak boleh disangkal berlaku perubahan hukum dengan sebab perubahan masa"

Telah menjadi persepakatan di kalangan fuqaha' dan ulama usul fiqh bahawa hukum-hukum yang boleh berubah dengan perubahan zaman itu ialah hukum-hukum *ijtihadiyyah* yang bersandar kepada 'urf, adat dan *maṣlaḥah*.¹⁴

Jika ditinjau dari sudut perubahan zaman, kita dapati partisipasi wanita di zaman awal Islam agak pasif. Ini kerana budaya politik Islam pada ketika itu dikuasai oleh kaum lelaki. Kaum wanita pada ketika itu pula berpuas hati dengan kedudukan yang mereka perolehi di bawah sistem pemerintahan Islam yang jauh lebih baik dari apa yang pernah mereka harungi di zaman jahiliyyah dulu.¹⁵

Namun realiti pada hari ini jauh berbeza. Keadaan masyarakat yang berbilang bangsa dan keturunan serta cita-cita untuk mewujudkan sebuah pemerintahan yang stabil lagi adil memerlukan penglibatan semua pihak termasuk wanita. Keupayaan dan kejayaan wanita di dalam profesion tertentu perlu digembeling bukan sahaja untuk pembangunan keluarga secara individu tetapi bangsa dan negara keseluruhannya. ¹⁶

Oleh kerana inilah kita melihat sebahagian besar ulama mutaqqaddimīn (ulama terdahulu) tidak mengharuskan partisipasi wanita,

berbanding ulama muta'akhirin (ulama semasa) yang lebih terbuka.¹⁷ Ini membuktikan bahawa perubahan zaman dan masalah mempengaruhi perubahan hukum (fatwa).

Demikian juga halnya, jika ditinjau perkembangan beberapa gerakan Islam yang menyertai politik di beberapa buah negara Islam termasuk Malaysia. Faktor perubahan zaman dan suasana menyebabkan mereka mengubah pendirian terhadap partisipasi wanita. Contohnya di Mesir, pengasas gerakan Ikhwan al-Mislimin, Imam Hassan Al-Banna pernah membuat kenyataan bahawa;

أن حقوق المرأة السياسية لا يجدها أحد ولكن الوقت لم يحن بعد
لاستخدامها

"Tidak ada halangan bagi wanita menunaikan haknya untuk berpolitik, namun masa dan ketikanya masih belum sesuai".¹⁸

Akan tetapi mutakhir ini kita dapat saksikan bagaimana gerakan tersebut telah meletakkan calon wanita mereka dalam dua pilihanraya, iaitu pada pilihanraya tahun 2000 dengan meletakkan Al-Ustāzah Jihān Al-Halfāwi di daerah Al-Raml, Iskandariah dan pada tahun 2005 dengan meletakkan Dr. Makārim al-Dairiy di daerah Madinah al-Nasr.¹⁹

Di Malaysia juga berlaku keadaan yang sama, Murshid al-'Am PAS (Parti Islam Se Malaysia), Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat menegaskan bahawa pengambilan Muslimat PAS sebagai calon terhenti sekian lama kerana suasana politik pada ketika itu tidak mengizinkan untuk PAS berbuat demikian. Akan tetapi situasi dan keperluan zaman yang berubah telah menyebabkan Majlis Syura Ulama PAS pada 30 Disember, 2001, secara rasminya membuat keputusan bahawa PAS bersetuju mengekalkan amalan sebelum ini iaitu mengharuskan muslimat menjadi calon di dalam mana-mana pilihanraya dengan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.²⁰

Hakikat ini terbukti dalam pilihanraya 2004 dan 2008 yang lalu di mana PAS telah membariskan beberapa calon wanitanya di beberapa kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. ²¹

Dari sudut budaya setempat pula, kita dapati beberapa orang ulama daripada negara-negara yang agak ketat pengawalannya terhadap kehormatan wanita dan tidak terdedah dengan sistem demokrasi seperti Saudi, Yamen dan Pakistan, lebih bersikap konservatif jika dibandingkan dengan negara-negara yang agak liberal seperti Mesir, Sudan, Tunisia dan Malaysia. Justeru itulah Mawdūdi, Abd al-Majid al-Zandāni dan beberapa ulama terkemuka Saudi seperti Abd al-Aziz bin Bāz berfatwa dengan tidak mengharuskan penglibatan wanita sebagai calon pilihanraya berbanding dengan al-Qaradāwi, Hassan al-Turābi, Al-Ghanoushi, Al-Būti dan lainnya yang mengharuskannya.

Daripada penjelasan lalu dapatlah dibuat rumusan bahawa faktor 'urf atau budaya dan adat setempat sebenarnya memang berperanan dalam mempengaruhi fatwa pengharusan wanita berpolitik.

5. Sadd al-Dharā'i'

Di sana terdapat di kalangan ulama yang membatasi penglibatan wanita dalam politik dengan menggunakan satu kaedah fiqh yang terkenal iaitu menutup pintu perkara-perkara yang boleh menimbulkan kerosakan (*Sadd al-Dharā'i'*). Mereka berhujah bahawa sebab ('illah) larangan ialah khuatir terhadap kemungkinan berlakunya 'fitnah' yang boleh menjejaskan kehormatan wanita seperti percampuran (*ikhtilāf*) dengan lelaki ataupun bersunyi-sunyian (*khulwah*) dengan mereka sewaktu kempen pilihanraya. Di samping itu, bagi menarik perhatian pengundi untuk memilih mereka, pastinya mereka perlu memperelokkan raut wajah dengan solekan (*tabarruj*) dan senyuman manis serta mengenakan

pakaian yang cantik. Semua ini adalah diharamkan dalam Islam dan setiap yang membawa kepada haram adalah haram.

Sememangnya tidak diragukan lagi bahawa *Sadd al-Dharā'i'* adalah dituntut, namun para ulama telah menetapkan bahawa berlebihan dalam menutup pintu perkara-perkara yang boleh menimbulkan kerosakan (*Sadd al-Dharā'i'*) adalah sama seperti berlebihan dalam membuka pintu kerosakan.²²

Sebagai contoh, kiranya para wanita Islam di sebuah negara tidak keluar mengundi dalam pilihanraya lantaran menurut pandangan ulama yang melarang mereka berbuat demikian bagi menghindarkan fitnah dan kerosakan, ini akan menyebabkan calon yang beriltizam dengan agama akan kehilangan undi yang banyak. Akibatnya calon yang menentang Islam akan menang hasil undian dari para wanita jalanan yang tidak terikat dengan agama.

Dalam hubungan ini, Abu Syuqqah telah meletakkan beberapa syarat yang perlu diambil perhatian bagi mengelakkan fenomena melampau (*ghuluww*) di dalam perlaksanaan kaedah menutup pintu perkara-perkara yang boleh menimbulkan kerosakan (*sadd al-dharā'i'*).²³ Di antaranya ialah:

- 1) Hendaklah *wasilah* yang harus itu mendorong kepada keburukan pada kebiasaannya, bukan secara jarang-jarang.
- 2) Hendaklah keburukannya lebih menonjol daripada kebaikan.
- 3) Hendaklah larangan tersebut (setelah menepati dua syarat di atas) tidaklah menjadi haram secara putus (*qaṭ'iyy*).
- 4) Sekiranya wasilah itu mendorong kepada keburukan, tetapi *maṣlahah*nya lebih menonjol (*arjah*), maka syar'iah

bukan sahaja mengharuskannya bahkan menggalakkan atau mewajibkannya bergantung kepada tingkatan *maṣlahah*.²⁴

Berdasarkan kepada kenyataan ini, penulis melihat bahawa walaupun terdapat beberapa unsur negatif (*mafsadah*) dalam penglibatan wanita sebagai calon pilihanraya atau wakil rakyat, namun *maṣlahah*nya atau kebaikannya lebih menonjol (*arjah*).²⁵ Justeru itulah maka keterlibatan mereka dilihat dari sudut syarat-syarat pemakaian kaedah *sadd al-dharā'i'*, adalah menepati asas-asas *Siyāsah Syar'iyah*. Namun segalanya perlu tertakluk kepada etika atau syarat-syarat tertentu bagi mengelakkan perkara-perkara yang bercanggah dengan syarak.

Beberapa Disiplin Dan Syarat Yang Perlu Dipenuhi Oleh Calon Wanita

Bertitik tolak dari penjelasan lalu, penulis melihat keharusan wanita untuk melibatkan diri sebagai calon dalam pilihanraya perlulah berpandukan kepada beberapa peraturan dan syarat yang agak ketat sebagai langkah kawalan (*sadd al-dharā'i'*) daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini berdasarkan dua syarat berikut:

- 1) Syarat-syarat yang bersangkutan dengan peribadi wanita itu sendiri.
- 2) Syarat-syarat yang bersangkutan dengan tugasnya sebagai calon atau wakil rakyat.

4.3.1 Syarat-syarat bersangkutan peribadi calon wanita

Umumnya syarat-syarat calon wanita atau kepimpinan wanita dalam politik adalah sama dengan lelaki kecuali pada beberapa perkara

yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. ke atas mereka sesuai dengan fitrah kewanitaannya itu sendiri. Di antara syarat-syarat tersebut ialah:

- i. Berkelayakan atau berkemampuan
- ii. Memelihara etika pertemuan dan pergaulan antara lelaki dan wanita.
- iii. Memelihara etika keperibadian wanita muslimah
- iv. Bermusafir dengan suami atau mahram.

i) Berkelayakan atau berkemampuan ²⁶

Yang dimaksudkan dengan berkelayakan atau berkemampuan di sini ialah mereka hendaklah memiliki ciri-ciri asas kepimpinan, seperti Islam, baligh, merdeka, sejahtera pancaindera dan anggota badan serta berakal. Mereka juga perlu mencapai tahap penguasaan ilmu yang membolehkan mereka berfungsi sebaik mungkin sebagai wakil rakyat.²⁷

Dari sudut keperibadian pula mereka mestilah seorang yang bersifat dengan *al-'Adālah*.²⁸ *Al-'Adālah* yang dikehendaki pada seorang kepimpinan ialah pada agama dan akhlak. Adapun sifat *al-'Adālah* pada agama bagi wanita ialah bertaqwa kepada Allah s.w.t. (tidak *fāsiq*), manakala sifat *al-'Adālah* pada akhlak ialah bersifat adil, menunaikan amanah, memastikan yang berhak menerima haknya, menghargai jasa orang bawahan dan merangsang mereka bekerja dengan tekun dan cekap.²⁹ Di samping itu mereka juga perlu bersifat "berani" dalam berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan yang mendatang.

ii) **Memelihara etika pertemuan dan pergaulan antara lelaki dan wanita**

Di sana terdapat beberapa etika atau adab pertemuan atau pergaulan antara lelaki dan wanita yang perlu diambil perhatian oleh para wanita berpolitik bagi memastikan keterlibatan mereka tidak menyanggahi syarak.³⁰ Dalam perbincangan ini, penulis akan menjelaskan etika dan adab tersebut secara umum kerana kajian ini hanya bertujuan untuk mensabitkan keperluan seorang calon wanita atau wakil rakyat memenuhi syarat-syarat tersebut sahaja, bukannya untuk mengkajinya secara terperinci. Di antaranya ialah:

- a. Keseriusan acara pertemuan
- b. Menundukkan pandangan
- c. Menghindari berjabat tangan pada situasi umum
- d. Memisahkan lelaki dari wanita atau menjauhi percampuran
- e. Menghindari khulwah (bersunyi-sunyian)
- f. Menjauhi dosa yang zahir dan batin

a) **Keseriusan acara pertemuan**

Allah swt berfirman maksudnya, "...dan ucapkanlah olehmu (kaum wanita) perkataan yang baik." ³¹ Ayat tersebut mengisyaratkan bahawa topik perbincangan dalam pertemuan antara lelaki dan wanita haruslah dalam batas-batas yang ma'rūf dan tidak mengandungi kemungkaran. Kerana itulah ditentukan pentingnya keseriusan acara dalam pertemuan antara mereka. Oleh yang demikian, pertemuan yang banyak dihiasi canda (gurauan) merupakan pembuka jalan menuju kemungkaran. Namun, keseriusan itu bukanlah bermakna tidak dibolehkan langsung untuk bergurau dalam batasan yang dibenarkan.

b) Menundukkan pandangan

Allah swt berfirman maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuanNya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka..."

Al-Nur (24):30-31

Yang dimaksudkan dengan menundukkan pandangan adalah tidak menyebarkan pandangan ke sana ke mari kerana dikhawatirkan terjadinya fitnah.³²

Dr. al-Bahī al-Khawliy menyatakan, dalam konteks zaman moden kini, kaum lelaki dan wanita berlumba-lumba mengejar kemajuan. Bukan sahaja lelaki yang mencari nafkah, malah wanita sudah tidak tetap berada di rumah dan adalah amat payah untuk menjaga pandangan daripada melihat lelaki atau wanita *ajnabi*. Maka disarankan supaya jangan terlalu mengikut kehendak hati menjamu mata pada sesuatu yang tidak sewajarnya dipandang. Sebaliknya, setiap individu hendaklah berusaha membangun keperibadian, pemikiran dan perasaan ke arah yang lebih bermanfaat dan berkualiti.³³

Muhammad Rashid Ridā menegaskan, pandangan seseorang lelaki kepada wanita *ajnabi* dan sebaliknya pandangan seorang wanita kepada lelaki *ajnabi* pada tempat yang bukan aurat adalah

harus. Tetapi pandangan yang disertai dengan syahwat adalah haram mengulanginya.³⁴

Kesimpulannya, adalah harus memandang kepada wanita atau lelaki *ajnabi*, tetapi pandangan tersebut tidaklah disertai dengan pandangan ghairah atau untuk mencari kepuasan.

c) Menghindari berjabat tangan pada situasi umum

Pada etika sebelumnya telah dijelaskan kewajiban menundukkan pandangan. Jika sekiranya kita diarahkan supaya menundukkan pandangan lantaran ianya adalah sarana untuk merangsang syahwat, tentu menahan tangan kita dari berjabat tangan jauh lebih penting, sebab sentuhan lebih kuat merangsang syahwat daripada pandangan. Berikut dikemukakan beberapa dalil untuk mengukuhkan permasalahan yang sedang dibicarakan:

Pertama, dalil yang menunjukkan diharamkan menyentuh dengan syahwat.

- 1) Dari Ibn Abbas ia berkata: "Aku tidak pernah melihat sesuatu yang lebih mirip dengan perbuatan dosa kecil dibandingkan apa yang dikatakan oleh Abu Hurairah mengenai Nabi saw., di mana beliau bersabda: 'Sesungguhnya Allah menentukan atas manusia bahagiannya daripada zina. Hal itu sama sekali tidak bisa dihindari dan pasti terjadi. Zina mata adalah memandang (kepada sesuatu yang haram), zina lidah adalah bertutur (sesuatu yang dilarang), (Imam Muslim menambahkan: Zina tangan adalah meraba). Nafsu berharap-harap dan berkeinginan, sementara kemaluan membenarkan atau mendustakan hal tersebut.'" ³⁵

- 2) Dari Ma'qil bin Yassar dikatakan bahawa Rasulullah saw bersabda: "Bahawa ditusuk di kepala salah seorang kamu dengan jarum besi besar lebih baik baginya daripada menyentuh wanita yang tidak halal baginya." ³⁶

Ungkapan 'meraba' dan 'menyentuh' pada hadith pertama dan kedua masing-masing bererti menyentuh dengan tangan untuk mendapatkan kenikmatan (menyentuh dengan syahwat). Kedua-dua dalil tersebut jelas menunjukkan bahawa perbuatan sedemikian adalah dilarang oleh agama.

Kedua, dalil yang menunjukkan bahawa Nabi saw. menghindari berjabat tangan ketika melakukan bai'ah dengan kaum wanita:

- 1) Diriwayatkan oleh Umaymah binti Raqīqah, dia berkata: "Aku datang bersama sejumlah wanita kepada Rasulullah saw. untuk membay'ah beliau mengenai Islam." Kami berkata: "Ya Rasulullah, adakah kami membai'ahmu untuk tidak mempersekutukan Allah dengan sesuatupun, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anak kami, tidak berbuat dosa yang kami lakukan antara dua tangan dan kaki kami serta tidak mendurhakaimu pada masalah kebaikan?" Rasulullah saw menjawab: "Sesuai menurut kesanggupan dan kemampuan kalian." Umaymah berkata: Kami berkata: "Allah dan RasulNya lebih kami sayangi dari diri kami, kami akan membai'ahmu." Lalu Nabi saw menjawab: "(Tapi) aku tidak mahu berjabat tangan dengan kaum wanita." ³⁷
- 2) Dari Aisyah r.a. dikatakan bahawa Rasulullah saw. menguji orang-orang yang berhijrah kepadanya dari kalangan wanita-wanita beriman dengan firman Allah: "Hai Nabi, apabila datang kepadamu wanita-wanita yang beriman untuk mengadakan bay'ah kepadamu...", maka barangsiapa yang mengakui (iqrar) syarat ini

bersabda:
n jarum
ita yang

dari kalangan mereka, Nabi berkata kepadanya: "Sesungguhnya aku telah membai'ahmu dengan ucapan iqrar tadi, tidak, demi Allah! tangan Rasul tidak pernah menyentuh tangan wanita sama sekali dalam berbai'ah." ³⁸

pertama
n untuk
dua-dua
adalah

Ketiga, dalil-dalil yang menunjukkan diharuskan menyentuh ketika ada hajat dan aman dari fitnah.

berjabat

: "Aku
/ untuk
ulullah,
n Allah
nbunuh
antara
pada
menurut
: Kami
i kami,
pi) aku

1) Dari Anas r.a. dikatakan sesungguhnya Ummu Sulaym menghamparkan sebuah hamparan dari kulit untuk Nabi saw., kemudian beliau (Nabi) tidur di atasnya. Anas berkata: "Ketika Rasulullah tidur, Ummu Sulaim mengambil keringat dan rambut Nabi lalu mengumpulkannya dalam sebuah bejana dan mencampurnya dengan minyak wangi sedangkan Rasulullah masih tidur." ³⁹

2) Dari Anas r.a. dikatakan bahawa Rasulullah saw masuk kepada Ummu Harām binti Milhān. Ketika itu Ummu Haram di bawah (isteri) 'Ubadah bin Šāmit. Lalu Rasulullah masuk kepada wanita tersebut. Wanita tersebut menjamunya makan dan menyisir rambutnya. ⁴⁰

menguji
wanita-
datang
bay'ah
arat ini

3) Dari Abdullah bin Muhammad bin Abdullah bin Zaid, dari seorang wanita di kalangan mereka katanya: "Telah masuk kepadaku Rasulullah saw ketika aku sedang makan menggunakan tangan kiri. Ketika itu aku adalah seorang wanita susah, lantas Rasulullah memukul tanganku sehingga jatuh apa yang ada dalam genggamanku." Lalu baginda bersabda: "Janganlah kamu makan menggunakan tangan kiri, kerana Allah telah menjadikan tangan kanan untukmu." Atau beginda bersabda: "Allah telah membebaskan tangan kananmu." Wanita itu berkata: "Aku menukar tangan kiri dengan tangan kananku, setelah itu aku tidak pernah lagi makan dengan tangan kiri." ⁴¹

Daripada dalil kedua dan ketiga di atas, kita dapat membandingkan antara menghindarnya Rasulullah s.a.w. dari berjabat tangan dengan kaum wanita sewaktu melakukan bai'ah dengan beberapa peristiwa ketika Rasulullah s.a.w. menyentuh atau disentuh beberapa orang wanita. Pada kondisi pertama, kita dapati kemungkinan besar Rasulullah s.a.w. tidak merasa aman dari fitnah selain juga tidak ada alasan yang penting untuk berjabat tangan. Sementara baginda mendapati alasan yang patut pada kondisi kedua, di samping kerapnya baginda bergaul dengan Ummu Haram dan saudaranya Ummu Sulaym. Demikianlah Rasulullah s.a.w. merasa aman dari fitnah bersama mereka dan sejumlah wanita lainnya. Tambahan lagi bahawa menghindarnya Rasulullah s.a.w. dari berjabat tangan dengan kaum wanita ketika bai'ah tidak bererti bahawa berjabat tangan dengan wanita itu haram secara mutlak kerana dalil-dalil yang adapun menunjukkan kepada kekhususan, sebab Rasulullah s.a.w. mengatakan: "Aku tidak mahu berjabat tangan dengan kaum wanita" menggunakan ganti nama *mufrad (singular)*.⁴³

Kesimpulannya, berjabat tangan dengan kaum wanita atau sebaliknya (wanita berjabat dengan kaum lelaki) pada kondisi umum adalah tidak disenangi Rasulullah s.a.w. Tindakan tersebut dilihat sebagai penutup pintu perkara-perkara yang boleh menimbulkan kerosakan (*Sadd al-Dharā'i*). Ini bermakna bahawa ianya adalah tindakan terbaik, bukan bermakna mewajibkan. Kita akan menjadi golongan terbaik bila kita menjejaki Rasulullah dengan menghindarkan berjabat tangan dan menyentuh wanita (atau sebaliknya) pada kondisi umum. Sebaliknya kita hanya dibenarkan jika keadaan benar-benar aman dari fitnah dan ada alasan yang patut untuk berbuat demikian.

d) Memisahkan lelaki dari wanita atau menjauhi percampuran

Menempatkan wanita pada barisan belakang adalah merupakan perintah khusus dalam sembahyang, baik di masjid atau di rumah ketika bersama

lelaki ajnabi atau suami dan mahram. Adapun di luar sembahyang, etika yang dituntut adalah memisahkan lelaki dari wanita serta menghindari terjadinya percampuran dengan cara menempatkan wanita pada satu bahagian dari ruang pertemuan atau dengan melakukan cara-cara lain untuk mencegah terjadinya kondisi yang bersesak-sesakan, bertemu badan dan nafas. ⁴⁴

Di sana terdapat beberapa hadith dan fatwa ulama mengenai persoalan ini, antaranya:

- 1) Ketika Rasulullah s.a.w. keluar dari masjid, lalu berlaku percampuran dengan para wanita di jalan lantas baginda bersabda kepada kaum wanita yang bermaksud:

“Perlah andan mundurlah kalian (wanita) sedikit, kalian tidak berhak menguasai jalan dan kalian harus berjalan di pinggirnya.”

Dalam satu riwayat dikatakan pula:

“Kaum wanita tidak boleh berjalan di tengah-tengah jalan.” ⁴⁵

- 2) Sabda Rasulullah s.a.w.:

“Bagaimana jika kita biarkan pintu ini untuk kaum wanita?” ⁴⁶

- 3) Imam al-Sarakhsi berkata:

“Begitu juga wanita tidak perlu mencium al-Hajar al-Aswad seandainya tempat itu terlalu ramai, sebab wanita dilarang menyentuh lelaki dan bersesak-sesakan dengannya kecuali bila tempat itu sepi dari kaum lelaki.” ⁴⁷

e) Menghindari khulwah (bersunyi-sunyian)

Berdasarkan kepada beberapa hadith sahih, berkhulwah atau bersunyi-sunyian antara lelaki dan wanita adalah dilarang oleh agama. Antaranya ialah hadith dari Ibn Abbas r.a. dari Nabi saw. Bersabda: "Janganlah seorang lelaki berkhulwah dengan seorang wanita kecuali disertai mahramnya."⁴⁸

Al-Hafiz Ibn Hajar menjelaskan bahawa dalam hadith tersebut terdapat larangan berkhulwah dengan wanita yang bukan mahram. Pendapat tersebut diterima secara *ijma'* (sebulat suara) oleh para ulama. Namun mereka berselisih apakah wanita bukan mahram dapat menggantikan posisi mahram dalam masalah ini, seperti wanita-wanita yang dipercayai misalnya. Menurut pandangan yang sahih, dibolehkan sebab kemungkinan berlakunya tuduhan atau dicurigai adalah tipis.

Khulwah yang dimaksudkan dalam pengertian di atas tidak mencakup hal-hal berikut:

1) Khulwah di hadapan khalayak manusia ketika ada hajat

Dalilnya ialah apa yang disebut oleh Imam al-Bukhari dalam bab sesuatu yang membolehkan seorang lelaki berkhulwah dengan seorang wanita di khalayak manusia. Dari Anas bin Malik dikatakan bahawa ada seorang wanita dari kalangan Ansar datang kepada Nabi s.a.w. Lantas Nabi s.a.w. berduaan dengannya dan berkata: "Sesungguhnya kalian (kaum Ansar) adalah orang yang paling saya cintai."⁴⁹

Al-Hafiz Ibn Hajar menyatakan bahawa Nabi tidak berkhulwah dengan wanita itu sehingga tertutup dari

pandangan manusia, bahkan perbicaraannya boleh didengar oleh mereka. Beliau juga menegaskan bahawa hadith ini juga menunjukkan bahawa perbicaraan dengan wanita bukan mahram yang bersifat rahsia tidaklah tercela dalam agama jika aman dari fitnah.⁵⁰

2) Khulwah dua atau tiga orang lelaki dengan seorang wanita ketika hajat

Dari Abdullah bin 'Amr bin al-'Āṣ katanya, telah bersabda Rasulullah saw. dengan maksudnya:

"Sesudah hari ini, seorang lelaki tidak diperbolehkan masuk menemui wanita yang suaminya tiada, kecuali dia bersama seorang atau dua orang lelaki lain."⁵¹

Imam Nawawi menegaskan bahawa secara zahirnya, hadith ini membolehkan dua atau tiga orang lelaki berkhulwah dengan seorang perempuan ajnabi. Akan tetapi, pendapat yang masyhur di kalangan sahabat kami (ulama Syafi'iyah) ada yang mengharamkannya. Lalu hadith ini dita'wilkan untuk sekelompok lelaki yang tidak mungkin melakukan perbuatan keji kerana kesalehan mereka.⁵²

3) Khulwah seorang lelaki dengan sejumlah kaum wanita

Perlu ditegaskan bahawa khulwah yang dilarang adalah khulwah antara seorang lelaki dengan seorang wanita. Adapun jika jumlah lelaki atau wanita lebih dari satu, maka gugurlah larangan itu. Imam Nawawi berkata: "Seorang

lelaki mengimami seorang wanita *ajnabi* di tempat yang sepi, diharamkan atas lelaki dan wanita tersebut. Tetapi jika dia mengimami beberapa orang wanita *ajnabi* di tempat yang sepi, maka ada dua pendapat. Jumhur ulama mengharuskannya dengan dalil hadith: ("Sesudah hari ini, seorang lelaki tidak diperbolehkan masuk menemui wanita yang suaminya tiada, kecuali dia bersama seorang atau dua orang lelaki lain.")⁵³ Ini disebabkan jika bersama wanita yang ramai, biasanya tidak ada peluang bagi seorang lelaki untuk melakukan kemungkaran."⁵⁴

f) Menghindarkan pertemuan yang lama dan berulang-ulang

Walaupun tiada nas khusus tentang persoalan ini, pertemuan yang sangat kerap dan berulang-ulang harus jelas tinjauan etikanya. Ini kerana pertemuan semacam ini agak sukar menjaga berbagai macam etika, seperti menahan pandangan, sentiasa serius dalam berbicara dan bertingkah laku sopan. Apa yang sering berlaku budaya sopan dan malu yang semestinya ada dalam setiap pertemuan antara lelaki dan wanita ternyata semakin menipis.

Berdasarkan realiti ini dan demi menjalankan kaedah *Sadd al-Dharā'i'*, penulis berpendapat adalah lebih baik menghindarkan pertemuan sebegini, melainkan jika sifat tugas tersebut memang menuntut pertemuan yang berulang-ulang untuk tujuan bekerjasama dan bertukar fikiran atau hal-hal lain yang betul-betul bermanfaat.

g) Menghindari situasi yang mencurigakan

Bagi seorang wanita, maruah dan keselamatan diri mereka adalah perkara yang amat penting untuk dipelihara. Kerana khawatirkan perkara

inilah maka Umar telah meminta Rasulullah s.a.w. memerintahkan isteri-isterinya memakai hijab, sehingga dengan sebab itu turun ayat tentang hijab.⁵⁵ Justeru itu, maka Islam menekankan perlunya bagi wanita mengenakan hijab atau membataskan diri mereka dari orang-orang jahat. Para wanita juga perlu berhati-hati dalam berhubungan dengan lelaki-lelaki yang tidak dipercayai bagi mengelakkan situasi yang mencurigakan. Namun sebaliknya dengan lelaki-lelaki yang dipercayai, seperti tamu yang sudah dikenal, tiada termasuk dalam larangan tersebut.

h) Menjauhi dosa yang zahir dan batin

Firman Allah yang bermaksud: "Dan janganlah kamu menghampiri perbuatan keji, baik yang zahir maupun yang tersembunyi..."⁵⁶ Di antara dosa yang zahir ialah cuai dalam menerapkan etika pertemuan. Manakala dosa yang tersembunyi pula ialah melayani keinginan nafsu dan menyenangkan sesuatu yang haram.

Demikianlah adab-adab atau etika yang perlu dipenuhi oleh para wanita yang menceburi politik terutamanya sebagai calon pilihanraya atau wakil rakyat bagi memastikan tindakan tersebut benar-benar menepati syarak.

iii) Memelihara etika keperibadian wanita muslimah

Dalam perbincangan ini, penulis akan mendedahkan beberapa etika yang bersangkutan dengan diri wanita yang terlibat sebagai calon itu sendiri. Etika ini adalah penting bagi memastikan penglibatan mereka benar-benar menepati konsep *Siyāsah Syar'iyah*. Antara etika tersebut ialah:

- a. Berpakaian sopan (berhijab)
- b. Keizinan suami atau wali
- c. Tidak bertabarruj
- d. Serius dalam berbicara

a) Berpakaian sopan (berhijab)

Mengenakan hijab atau berpakaian menutup aurat adalah etika yang amat penting bagi memelihara kemuliaan wanita dan mengawal mereka daripada gangguan golongan yang berpenyakit jiwanya, sebagaimana ia juga memelihara masyarakat daripada perkara-perkara negatif yang menjadi keluhan umum selama ini. Perkara ini menjadi lebih penting terhadap para wanita yang terlibat secara langsung dengan masyarakat seperti calon dalam pilihanraya atau sebagai ahli parlimen. Hakikat ini adalah beralih kepada firman Allah yang bermaksud:

“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka...”

Al-Nūr (24) : 31

“Wahai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya mereka melabuhkan pakaian mereka bagi menutup seluruh tubuh mereka (semasa mereka

keluar), cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah!) Allah adalah amat Pengampun lagi amat Pengasihani.”

Al-Ahzab (33): 59

Kedua-dua ayat di atas menggambarkan dengan jelas tentang kewajipan berhijab (menutup aurat), menundukkan pandangan dan memelihara kehormatan.

b) Keizinan suami atau wali

Keizinan suami atau wali juga adalah amat penting bagi membolehkan wanita keluar bekerja atau terlibat aktif dalam politik. Ini kerana, tugas asal bagi kaum wanita ialah berada di dalam rumah, manakala tugas suami pula sebagai ketua bagi rumahtangga ialah keluar untuk bekerja dan memberi nafqah kepada isteri dan keluarga.⁵⁷ Justeru segala tindakan isteri yang melibatkan maruah atau *maṣlahah* rumahtangga atau keluarga, wajiblah mendapat keizinannya. Bagi wanita yang tidak bersuami, maka kepada bapa atau walinyalah perlu diminta izin.⁵⁸ Dalam hal ini, Rasulullah saw. telah ditanya oleh seorang wanita dari puak *Khath'am* tentang hak suami atas isterinya, lalu baginda bersabda:

“Hak suami atas isterinya ialah janganlah ia (isteri) keluar dari rumahnya melainkan dengan keizinan suaminya. Sekiranya ia keluar (tanpa izin), maka malaikat di langit, malaikat rahmat dan malaikat azab melaknatinya sehingga ia pulang ke rumah.”⁵⁹

Dalam hadith lain Rasulullah saw. bersabda maksudnya:

"Tidak halal bagi seorang wanita berpuasa sedangkan suaminya ada bersamanya melainkan dengan keizinannya (suaminya)".⁶⁰

Difahami daripada hadith ini, jika seorang isteri mahu berpuasa sekalipun ia mesti meminta izin suaminya, apatah lagi kiranya ia ingin keluar rumah untuk berpolitik.

c) Tidak bertabarruj

Al-tabarruj ialah menzahirkan perhiasan oleh seseorang wanita dan kecantikannya kepada lelaki ajnabi.⁶¹ Abu Ishak berpendapat bahawa al-tabarruj ialah menzahirkan perhiasan dan menzahirkan sesuatu yang boleh mendorong syahwat lelaki seperti menghentakkan kaki dan memakai perfume⁶² (wangian secara berlebihan). Kesimpulannya, al-tabarruj boleh didefinisikan sebagai tindakan wanita menzahirkan sebahagian anggota badan atau perhiasan (barang kemas) atau kecantikan dirinya dengan apa cara sekalipun seperti bersolek (*make-up*) dan cara berpakaian atau melakukan lenggang lenggok sewaktu berjalan.⁶³ Kesemuanya itu adalah dilarang melainkan terhadap suami atau mahramnya.

d) Serius dalam berbicara

Keseriusan (*jiddiyyah*) dalam berbicara adalah penting bagi mengelakkan gangguan daripada lelaki-lelaki yang ada penyakit dalam hati mereka. Berhubung dengan perkara ini, Allah swt telah mengarahkan isteri-isteri Nabi dalam firmanNya yang bermaksud:

"Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain jika kamu tetap

bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan (sebaliknya) berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan)."

Al-Ahzab (33) : 32

Berpandukan kepada ayat ini, jelas menunjukkan larangan untuk berbicara dengan lembut manja kerana dibimbangi akan diganggu. Walaupun ayat ini ditujukan khusus kepada para isteri Nabi, namun hukumnya adalah umum terhadap semua para wanita. ⁶⁴

iv) Bermusafir dengan suami atau mahram

Islam melarang wanita keluar bermusafir (80 kilometer ke atas) dari satu tempat ke tempat yang lain bagi menyempurnakan sesuatu tugas tanpa ditemani oleh suami atau mahram. Hadith sahih riwayat Ibn Abbas r.a. dengan jelas menjelaskan hakikat ini. Rasulullah saw. bersabda maksudnya:

"Tidak boleh wanita bermusafir melainkan bersamanya mahram..." ⁶⁵

Imam Nawawi menegaskan bahawa tidak harus bagi wanita samada muda atau tua, bermusafir melainkan bersamanya suami atau mahramnya. Tidak kira samada tempoh musafir itu memakan masa yang lama atau sekejap. ⁶⁶

4.3.2 Syarat-syarat yang bersangkutan dengan tugasnya sebagai calon atau wakil rakyat.

Di antara syarat-syarat yang berkaitan dengan tugas atau kerja itu sendiri secara umumnya adalah seperti berikut: ⁶⁷

- i. Hendaklah tugas tersebut tidak bercanggah dengan syarak.
- ii. Hendaklah tugas itu bersesuaian dengan tabiat kewanitaan dan memelihara kehormatannya.
- iii. Tidak mengganggu atau menjejaskan tugas utamanya sebagai isteri dan ibu.
- iv. Tidak menjejaskan atau menyempitkan peluang kaum lelaki untuk bekerja.

Penulis melihat bahawa penglibatan wanita dalam politik khususnya sebagai calon pilihanraya dan wakil rakyat adalah tidak bercanggah dengan syarat-syarat di atas. Alasannya adalah seperti berikut:

- a. Persoalan wanita menjadi calon atau wakil rakyat ini sebagaimana yang telah dijelaskan dahulu adalah merupakan persoalan ijtihādiyyah . Hukumnya adalah melihat kepada suasana dan maṣlahah (keperluan) semasa. Tidak syak lagi, realiti hari ini adalah memerlukan penglibatan mereka bagi membela maruah wanita Islam dari terus diperlekehkan oleh musuh Islam.
- b. Adapun berkenaan dengan tugas yang sesuai dengan tabiat kewanitaan dan kehormatan wanita, juga telah dinyatakan sebelum ini, bahawa tugas sebagai calon atau wakil rakyat tidaklah melibatkan kerja-kerja berat

sebagai

kerja itu

dengan

anitaan

manya

kaum

politik

tidak

seperti

yat ini

adalah

adalah

erluan)

erlukan

Islam

engan

telah

calon

berat

atau lasak. Sebaliknya ia lebih kepada menggunakan daya intelektual dan kecekapan bertindak. Oleh itu mereka sepatutnya diberikan ruang untuk berpartisipasi.

- c. Dari sudut keseimbangan di antara tugas sebagai ahli politik dan sebagai isteri / ibu pula, ianya bergantung kepada sejauh mana seorang calon atau wakil rakyat itu mampu mengagihkan masanya sebaik mungkin agar tanggungjawab asasnya tidak terabai.
- d. Berkenaan dengan syarat keempat, kita melihat bahawa bilangan wanita yang terlibat dalam politik di sesebuah negara adalah terlalu kecil peratusnya.⁶⁹ Bahkan penglibatan mereka dalam kontek *Siyāsah Syar'iiyyah* bukanlah untuk mendominasi kerusi di parlimen, cuma sekadar untuk memastikan wujudnya wakil rakyat wanita bagi mewakili suara wanita Islam.

4.4 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, Islam melalui pendekatan *Siyāsah Syar'iiyyah* sememangnya membenarkan wanita melibatkan diri sebagai calon dalam pilihanraya atau wakil rakyat. Di antara asas-asas *Siyāsah Syar'iiyyah* yang paling ketara membenarkan penglibatan mereka ialah faktor *Maṣlahah 'Āmmah (Al-Istislah)*, menepati objektif syarak (*Maqāsid al-Syarī'ah*), selaras dengan prinsip syura, keadilan dan kesamaan Islam dan faktor *'urf*. Walau bagaimanapun, keizinan tersebut adalah tertakluk kepada segala syarat-syarat dan etika seperti yang telah digariskan bagi memastikan terlaksananya asas *Sadd al-Dharā'i'*.

NOTA HUJUNG

- ¹ Al-Qaraḍāwī (2005), *Min Fiqh al-Daulah fi al-Islām*, c. 4. Al-Qahirah: Dār al-Syurūq, h. 163.
- ² Muḥammad Qutb (1988), *Syubuhāt ḥawla al-Islām*. C. 18. Al-Qāhirah: Dār al-Syurūq, h. 106 - 111
- ³ Suhaylah Zayn al-ʿĀbidīn Hammād (1424 H / 2003 M), *Al-Mar'ah al-Muslimah wa Muwājahah Taḥaddiyyāt al-ʿAwlamah*. Riyāḍ: Makatabah al-ʿAbīkān, h. 99 – 144.
- ⁴ Abu Syuqqah, ʿAbd al-Ḥalīm (1999), *Taḥrīr al-Mar'ah fi ʿAṣri al-Risālah*. Kuwayt: Dār al-Qalam li al-Nasyri wa al-Tawzīʿ, j. 2, h. 451
- ⁵ Al-Qaraḍāwī (2005), *op.cit.*, h. 169 – 170.
- ⁶ Sulaymān Salīm al-Bawwāb (1987), *Mīʾah Awāʾil min al-Nisaʾ*, c. 2, Damsyiq: Dar al-Hikmah, h. 41 – 43.
- ⁷ *Ibid.*, h. 91
- ⁸ *Ibid.*, h. 102
- ⁹ *Ibid.*, h. 381
- ¹⁰ Jamilah Abd al-Qādir Syaʿbān Al-Rifāʿiy (2003), *Al-Siyāsah Al-Syarʿiyyah ʿinda al-Imām Ibn Qayyim al-Jawziyyah*. Irbid, Jordan: Dār al-Furqān li al-Nasyr wa al-Tawzīʿ, h. 93-106.
- ¹¹ Būṭī, Muḥammad Saʿīd Ramaḍān al- (1996) *Al-Mar'ah bayn Tughyān al-Nizām al-Gharbiy wa Latāʾif al-Tasyrīʿ al-Rabbānī*, Bayrūt: Dār al-Fikr al-Muʾāssir, h.77
- ¹² Darīnī, Faṭḥi al- (1987), *Khaṣāʾis al-Tasyrīʿ*, c. 2. Bayrūt: Muʾassasah al-Risālah, h. 417.
- ¹³ Ahmad bin Muḥammad Al-Zarqāʾ (1993), *Syarḥ al-Qawāʾid al-Fiqhiyyah*, c. 3. Kuwayt: Dār Al-Qalam, h.227 – 229.
- ¹⁴ ʿAli Aḥmad al-Nadawī (1998), *Al-Qawāʾid Al-Fiqhiyyah: Mafhūmuhā, Nasyʾatuhā, Taʾawwuruhā*, c. 4. Damsyiq: Dār al-Qalam, h.158.
- ¹⁵ Syarifah Hayaati Syed Ismail (2004), "Perana Wanita dalam Pemerintahan dan Kepimpinan Sesebuah Negara Islam", dalam Abdul Munir Yaacob dan Suzalie Mohamd *et al.* (ed), *Konsep dan Peranan ULIL AMRI di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 80.
- ¹⁶ *Ibid.*
- ¹⁷ *Ibid.* h. 74 - 75.
- ¹⁸ Al-Baḥī al-Khawliyy (1953), *Al-Mar'ah bayna al-Bayt wa al-Mujtamaʾ*, Mesir: Dār al-Kutub al-ʿArabiy., h. 144 - 145

- ¹⁹ Murasysyahah al-Ikhwān al-Muslimīn Tudafī 'an Huqūq al-Qabṭiyyāt, <http://www.islamonline.net/arabic/adam/2005/10/article05.shtml>, 20 Oktober 2005 dan Ikhwān Miṣr ..al-Mar'ah fi Khalfiyyah Ṣūrah, <http://www.ikhwanonline.com/Article.asp?ID=15223&SectionID=0&Searching=1>, 24 Oktober 2005.
- ²⁰ Azizan Abdul Razak (2003), *PAS dan Calon Wanita*, Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd. h. 66.
- ²¹ Profil Calon Wanita PAS, http://parti-pas.org/muslimat/berita_list.php, 15 Mac. 2004.
- ²² Al-Qaraḍāwī (2005), *op. cit.*, h.164
- ²³ Abu Syuqqah (2002), *op. cit.*, j. 3, h. 189. ; Muḥammad 'Imārah (1423 H / 2002 M), *Al-Taḥrīr al-Islāmi li al-Mar'ah*, c. 2, al-Qāhirah: Dār al-Syurūq, h. 58.
- ²⁴ *Ibid.*
- ²⁵ Rujuk Asas Pertama : *Maṣlaḥah*.
- ²⁶ Syarat ini dikemukakan berpandukan kepada ciri-ciri pemimpin (Khalifah) dalam Islam. Ini kerana walaupun wanita dalam perbincangan ini tidak menjadi Khalifah, namun mereka perlu memiliki ciri-ciri asasi sebagai pemimpin bagi melayakkannya memimpin masyarakat.
- ²⁷ Rujuk ulama yang menulis ciri-ciri khalifah seperti al-Māwardī, Ibn Khaldūn, Ibn Taymiyyah dan lain-lain.
- ²⁸ Andek Masnah Andek Kalewa (2001), *Kepimpinan Wanita dalam Islam; Kedudukannya Dalam Syariah*, c. 2. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 114.
- ²⁹ *Ibid.* h. 115.
- ³⁰ Abu Syuqqah (2002), *op. cit.*, j. 2, h. 86-99.
- ³¹ Al-Ahzāb (33): 32.
- ³² Ibn 'Arabi, dalam Abu Syuqqah. (2002), *op. cit.*, h. 87.
- ³³ Al-Baḥī al-Khawliyy (1953), *op. cit.*, h. 146.
- ³⁴ Muḥammad Rashīd Riḍā (1315H), *Huqūq al-Nisā' fi al-Islam*. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmi, h. 185.
- ³⁵ Al-Bukhārī (1997), *op. cit.* Kitāb al-Qadr, Bāb wa Ḥarām 'alā Qaryah Ahlaknāhā, no. hadīth 6612, h. 612.
- ³⁶ Naṣr al-Dīn al-Bānī (1988), *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ wa Ziyadatuhu*, j. 11, c. 4, no. hadīth 5045. Bayrūt: Al-Maktabah al-Islāmi, h. 900.

- ³⁷ Aḥmad Muḥammad Hussayn Āli Abd al-Latīf (1422 H), *Jāmi' al-Aḥādīth wa al-Āthār allati Kharrajahā wa Ḥakama 'alayhā al-Syeikh al-Bāni fi Jamī' Kutubih*, j. 1, c. 1, no. hadith 1557. Jordan: Al-Maktabah al-Islamī, h. 587.
- ³⁸ Al-Bukhārī (1997), *op. cit.* Kitāb al-Tafsīr Surah al-Mumtaḥanah, Bāb Idhā Jā'akum al-Mumināt al-Muhājirāt, no. hadith 4891, j. 8, h. 810. Muslim (1998), *op. cit.* Kitāb al-Imārah, Bāb Kayfiyyah Bay'ah al-Nisā', no. hadith 1866, j. 15, h. 12.
- ³⁹ Al-Bukhārī (1997), *op. cit.* Kitāb al-Istī'dhan, Bāb Man Zāra Qawman fa Qāla 'indahum, no. hadith 6281, j. 11, h. 84. Muslim (1998), *op. cit.* Kitāb al-Faḍā'il, Bāb Tib 'irq al-Nabiy (saw) wa al-Tabarruk bihi, no. hadith 2331, j. 15, h. 479.
- ⁴⁰ Al-Bukhārī (1997), *op. cit.* Kitāb al-Jihad, Bāb al-Du'ā' bi al-Jihād wa al-Syahādah li al-Rijāl wa al-Nisā', no. hadith 2789, j. 6, h. 13. Muslim (1998), *op. cit.* Kitāb al-
- ⁴¹ Riwayat Ahmad, dipetik dari Abu Syuqqah (2002), *op. cit.*, j. 2, h. 92.
- ⁴² Ummu Sulaym adalah Ibu saudara kepada khadam Nabi iaitu Anas bin Malik, manakala Ummu Haram pula adalah Ibunya (Anas).
- ⁴³ Abu Syuqqah (2002), *op. cit.*, j. 2, h. 92 & 93
- ⁴⁴ *Ibid*, h. 94.
- ⁴⁵ Aḥmad Muḥammad Hussayn Āli Abd al-Latīf (1422 H), *op. cit.*, j. 3, c. 1, h. 314, no. hadith 7096.
- ⁴⁶ Kitāb Ṣaḥīḥ al-Jamī' al-Ṣaghīr, no. hadith 5134, dipetik dari Abu Syuqqah (2002), *op. cit.*, j. 2, h. 94.
- ⁴⁷ Abu Syuqqah (2002), *op. cit.*, j. 2, h. 94.
- ⁴⁸ Al-Bukhārī (1997), *op. cit.* Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Lā Yakhluwanna Rajul bi Imra'ah illa dhu Maḥram, no. hadith 5233, j. 9, h. 410.
- ⁴⁹ Al-Bukhārī (1997), *op. cit.*, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Ma yajūz an Yakhluwanna al-Rajul bi al-Mar'ah 'inda al-Nās, no. hadith 5234, j. 9, h. 413. Muslim (1998), *op. cit.* Kitāb al-Faḍā'il al-Ṣaḥābah, Bāb Min Faḍā'il al-Anṣār, no. hadith 2509, j. 16, h. 54.
- ⁵⁰ *Ibid.*, (Syarḥ Bukhārī).
- ⁵¹ Muslim (1998), *op. cit.*, Kitāb al-Salām, Bāb Taḥrīm al-Khulūd bi al-Ajnabiyyah wa al-Dukhul 'alayhā, no. hadith 2173, j. 14, h. 330.
- ⁵² *Ibid.*
- ⁵³ Muslim (1998), *op. cit.*, no. hadith 2173.
- ⁵⁴ Abu Syuqqah (2002), *op. cit.*, j. 2, h. 95.
- ⁵⁵ Al-Bukhārī (1997), *op. cit.*, Kitāb al-Tafsīr Surah al-Baqarah, Bāb Qawluhu (wa Ttakhadhu min Maqāmi Ibrāhīma Musalla), no. hadith 4483, j. 8, h. 211.

ith wa al-
j. 1, c. 1,

Jā'akum
Kitāb al-

fa Qāla
Bāb Tib

yahādah
al-

n Malik,

314, no

(2002),

ah illa

l-Rajul
tāb al-

ah wa

u (wa

⁵⁶ Terjemahan Surah Al-An'ām (6) : 151

⁵⁷ Zandani, 'Abd al-Majid (2000), *Al-Mar'ah wa Huqūquha al-Siyasiyyah fi al-Islām*. Kuwait: Maktabah al-Manār al-Islamiyyah, h.42.

⁵⁸ Dr. Nūr al-Din 'Atr, *'Amal al-Mar'ah wa Khtilāṭuha wa Dauruha fi Bina' al-Mujtama'*, Dubai: Dār al-Buhūth li al-Dirasāt al-Islāmiyyah, h. 62.

⁵⁹ Telah mengeluarkan hadith ini oleh al-Bazzār dalam Kitab al-Nikāh, Bab Hak suami atas isterinya: j. 2, h. 77.

⁶⁰ Al-Bukhāri (1997), *op. cit.*, Kitāb al-Nikāh, Bāb Ṣawm al-Mar'ah bi Idhni Zawjihā Taṭawwu'an, no. hadith 5192, j. 9, h. 364.

⁶¹ Ibn Manẓūr, *op. cit.*, j. 3, h. 33

⁶² *Ibid.*

⁶³ Al-Syeikh Khālid 'Abdul Raḥmān Al-'Akk (1998), *Syakhsīyyah al-Mar'ah al-Muslimah fi Daw al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h. 359-360.

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ Al-Bukhāri (1997), *op. cit.*, Kitāb Jazā' al-Ṣayd, Bāb Ḥāj al-Nisā', no. hadith 1862. Muslim (1998), *op. cit.*, Kitāb Al-Ḥāj, Bāb Safar al-Mar'ah ma'a Maḥram, no. hadith 1338, j. 8, h. 465.

⁶⁶ *Ibid.*, Saḥīḥ Muslim dengan Syarḥ al-Nawawī, j. 8, h. 466.

⁶⁷ Hindun Mahmūd Al-Khawliyy (2001), *'Amal al-Mar'ah: Ḍawabīṭuhu – Aḥkāmuhu – Thamarātuhu, Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*, Damsyik: Dār al-Farābi li al-Ma'ārif, h. 125.

⁶⁸ Memerlukan kajian yang mendalam oleh para ilmuan Islam bagi menentukan harus atau tidaknya sesuatu perkara.

⁶⁹ Menurut al-Zandāni, peratus wanita menjadi ahli parlimen di kebanyakan negara dunia tidak melebihi 15% berbanding dengan kaum lelaki di sebahagian besar negara di dunia. Al-Zandāni (2000), *op. cit.*, h. 161.

MANHAJ SYAIKH AL-ISLAM IBNU TAIMIYYAH DALAM AQIDAH

Oleh:

*Dr. Ahmad Najib Bin Abdullah**

Abstrak

Antara tokoh-tokoh terkemuka usuluddin yang banyak memberi sumbangan dalam menjelaskan persoalan-persoalan aqidah sekaligus mempertahankan kesucian Islam ialah Ibnu Taimiyyah yang lebih terkenal dengan gelaran ilmuwan besar 'Syaikh al-Islam'. Artikel ini akan mengupas secara fokus tentang manhaj aqidah Ibnu Taimiyyah yang menjadi panduan masyarakat Islam hari ini.

Muqaddimah

Perbincangan ilmiah berkaitan persoalan-persoalan agama amat penting, apatah lagi jika ia menyentuh perkara aqidah yang merupakan perkara asas dalam agama. Kehidupan beragama adalah bertunjangkan dasar kepercayaan dan pegangan aqidah di mana kehidupan seseorang itu dibina, dibentuk dan dipengaruhi oleh pegangan aqidahnya. Baik buruk, mulia dan hina seseorang di sisi Allah Ta'ala merujuk kepada aqidah keimanannya.

Umat Islam di setiap ketika harus dipekakan dengan perbincangan mengenai aqidah yang bermatlamatkan untuk mengumpul kekuatan

* Pensyarah Kanan Di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

bagi memantapkan keimanan dan mempertingkatkan ketaqwaan di samping membuat semakan jujur untuk diri sendiri dan umat seluruhnya demi mencari dan menerima kebenaran.

Sebagaimana bidang tafsir yang kaya dengan para mufasssirin, bidang hadith yang kaya dengan para muhaddithin, bidang feqah yang kaya dengan para fuqaha' dan bidang-bidang lain beserta para ulama'nya, bidang aqidah juga tersohor dengan tokoh-tokoh ulama' Usuluddinnya.

Ketokohan ilmu Ibnu Taimiyyah atau nama penuhnya Taqiyyuddin Ahmad bin Abdul Halim, diakui oleh ulama' terbilang dari pelbagai aliran dan bidang. Antaranya ialah Ibnu Sayyid al-Nas al-Syafi'ii (meninggal dunia 734 H), Ibnu Daqiq al-'Eid al-Malikiyy al-Syafi'ii (meninggal dunia 702 H), Ibnu al-Wardiyy al-Syafi'ii (meninggal dunia 749), Abu Hayyan al-Nahwiyy (meninggal dunia 745 H), Ibnu al-Qayyim al-Hanbaliyy (meninggal dunia 751 H), Ibnu al-Zamlakaniyy al-Syafi'ii (meninggal dunia 727 H), al-Hafiz al-Dhahabiyy (meninggal dunia 748 H), al-Hafiz al-Mizziyy al-Syafi'ii (meninggal dunia 742 H), al-Barzaliyy (meninggal dunia 738 H), al-Syaikh al-Subkiyy al-Syafi'ii (meninggal dunia 777 H) dan lain-lain¹.

Aqidah Syaikh Al-Islam Ibnu Taimiyyah

Beliau berpegang dengan aqidah ahlu al-Sunnah wa al-Jama'ah yang berdasarkan pegangan para sahabat, tabi'iiin dan tabi' tabi'iiin. Aqidah inilah yang diperjuangkan oleh pimpinan ulama' hadith, jumhur fuqaha' dan ahli sufi (pembawa tasawwuf maqbul) seperti pegangan Imam Malik, al-Thauriyy, al-Auza'iiyy, Hammad bin Zaid, Imam al-Syafi'ii, Imam Ahmad bin Hanbal dan lain-lain termasuk ulama' muhaqqiqin dari ahli kalam².